

TM

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT

WISS

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) | • MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. **45**

Bukan Babu, Bukan Ratu

Jika ada suruhan Nabi s.a.w. agar isteri dilayan bak ratu, sudah pasti yang lebih layak menerimanya itu ialah para isteri, anakanda Nabi dan isteri para sahabat. Namun jelas dalam sejarah, para wanita solehah ini tetap melakukan kerja-kerja rumah sehingga Fatimah r.ha. datang mengadu kesukarannya, lalu Nabi s.a.w. memujuk dengan memberi zikir penguat jiwa.

Andai suami sudah bermandi peluh dan keringat serta memerah minda dan fizikal untuk mencari nafkah keluarga, apa salahnya isteri membantu menyelesaikan tugas rumah tangga.

Selanjutnya di hlm. 52-53

> Ada Syurga dalam Hati

hlm. 28

> VIP yang Mendapat Naungan Allah

hlm. 12

> Pewaris al-Quran

hlm. 67

Pemimpin seperti Muhammad al-Fatih tidak selalu muncul di persada sejarah dan hanya sekali-sekala. Kemunculannya bukan secara kebetulan, tetapi diawali dan didasari oleh satu perancangan yang rapi.

MEMILIH AL-FATIH



Imbas kod untuk ke Facebook Majalah Solusi



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia

ISSN 1985-5400



9 771985 540003

> 45



RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50

TELAGA BIRU SDN. BHD

Maqasid Syariah dalam ICT

Syariat yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. memberi panduan kepada semua aspek kehidupan manusia hingga akhir zaman. Syariat ini bertepatan dengan hidup manusia kerana manusia merupakan hasil ciptaan Allah s.w.t. Yang Maha Mengetahui apa yang sesuai untuk manusia dalam mengharungi hidup yang sementara di dunia ini.

Walaupun kehidupan berubah dan tamadun bertambah maju seiring dengan peredaran masa, namun syariat Ilahi tetap

bertepatan untuk menangani keperluan hidup manusia dalam mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Matlamat umum syariah adalah untuk menjaga maslahat (keperluan, kepentingan dan kesejahteraan) manusia serta mencegah dan membanteras kerosakan dan perkara-perkara yang membawa kepada kehancuran dalam kehidupan di dunia dan seterusnya di akhirat kelak.

Maqasid Syariah dalam Hidup

Perbincangan ini telah dihuraikan oleh para ulama, antaranya Imam al-Ghazali, Imam 'Izzuddin bin Abdul Salam, Imam al-Shatibi dan juga ulama kontemporari seperti Ibn 'Ashur.

Daripada matlamat umum ini, para ulama telah menggariskan *maqasid* syariah iaitu tujuan dan objektif syariah yang merangkumi perkara-perkara yang ingin


dipelihara melalui pelaksanaan syariah dan hukumnya. Ia terdiri daripada tiga bahagian:

1. Daruriyyat: Merangkumi perkara-perkara yang menjadi keperluan asas iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan nasab keturunan serta harta. Perkara-perkara ini perlu dipelihara dan diberi perhatian demi kewujudan dan kelangsungan hidup yang sejahtera, tanpanya kehidupan manusia akan binasa.

2. Hajiyyat: Keperluan yang bersifat menghilangkan kesulitan dan kesempitan serta mendapatkan kemudahan dalam hidup. Contohnya keperluan terhadap kenderaan untuk urusan seharian atau kemudahan untuk terbuka puasa bagi orang yang bermusafir. Dalam perkara-perkara seperti ini, syariah memberi perhatian demi mencapai kesejahteraan untuk manusia.

3. Tahsiniyyat: Aspek kesempurnaan dan kecantikan hidup seperti tingkah laku dan budi pekerti yang mulia, memiliki lebih daripada sebuah kenderaan bagi yang mampu dan sebagainya. Dalam hal ini, mencapai keelokan, penambahbaikan dan penyelesaian hidup juga tidak diabaikan dalam syariah.

Kemodenan dan kemajuan yang dicapai oleh manusia tidak dapat dipisahkan daripada syariah. Sehubungan dengan itu, para sarjana Islam telah menghuraikan



dengan lebih luas lagi perbincangan tentang *maqasid* syariah.

Antaranya ialah Ibn 'Ashur yang telah mengetengahkan dan menjelaskan bahawa perbincangan berkenaan *maqasid* syariah sebenarnya merangkumi masyarakat juga dan bukan setakat peringkat individu.

Sheikh Yusuf al-Qaradawi mencadangkan beberapa keperluan umum yang harus dicapai bagi membina kekuatan umat serta kerjasama manusia sejagat.

Manakala Taha Jabir al-'Alwani telah meletakkan pembangunan tamadun di muka bumi sebagai salah satu keperluan utama yang bersifat menyeluruh.

Dalam melihat keadaan umat Islam pada masa kini, Hashim Kamali mencadangkan pembangunan ekonomi serta pengukuhan penyelidikan dan pembangunan dalam sains dan teknologi sebagai keperluan umat pada waktu ini.

Dengan kata lain, telah jelas perlunya umat Islam kepada syariat untuk menanganinya perkara-perkara yang menjadi keperluan umat zaman sekarang dan memandu usaha bagi mencapainya.

Maqasid ICT yang Tepat

Terkini, ICT (*Information, Communication and Technology*) sebagai salah satu ilmu teknologi yang giat diusahakan oleh manusia hasil daripada ilmu pengetahuan kurniaan Allah s.w.t. Seharusnya ia menjadi sesuatu yang dibangunkan dan digunakan bertepatan dengan *maqasid* syariah. Ia menjadi alat untuk mencapai *maqasid* syariah terutamanya lima perkara *daruriyyat* sebagai perkara utama yang harus ditangani oleh manusia.

Dari aspek pemeliharaan agama, ICT dapat membantu menyebarkan risalah tauhid dan ilmu-ilmu berkaitan agama

Pembangunan akal dan daya fikir dapat dimantapkan dengan pembinaan keintelektualan yang jitu. ICT menyumbang kepada perkara ini bukan sahaja dari aspek penyebaran ilmu pengetahuan, tetapi juga melalui perisian dan aplikasi yang membantu perkembangan minda

dengan lebih meluas seperti melalui Internet. Kesucian ayat-ayat al-Quran dan hadis dapat dipelihara dengan membangunkan pelbagai sistem dan pangkalan data yang dapat membantu mencari dan menyemak ayat al-Quran atau teks hadis dengan merujuk kepada mashaf dan kitab-kitab hadis. Para ulama dapat menyebarkan ilmu-ilmu yang sahih dan menangkis penyelewengan yang wujud dengan bantuan aplikasi ICT.

Kesejahteraan nyawa dapat dijaga melalui penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan. Dalam perkara ini, ICT sememangnya berperanan untuk mengurus maklumat tentang kesihatan, rekod perubatan serta pentadbiran hospital dan pusat kesihatan. Malah, ia juga membantu dalam penyelidikan, pendidikan dan latihan berkaitan ilmu perubatan.

Pembangunan akal dan daya fikir dapat dimantapkan dengan pembinaan keintelektualan yang jitu. ICT menyumbang kepada perkara ini bukan sahaja dari aspek pe-

nyebaran ilmu pengetahuan, tetapi juga melalui perisian dan aplikasi yang membantu perkembangan minda sama ada di peringkat kanak-kanak mahupun dewasa.

Selain penggunaan ICT dalam pendidikan dan pembelajaran, aplikasi ICT juga dibangunkan untuk membantu per-cambahan pemikiran dan perkongsian idea (seperti perisian peta minda dan aplikasi perbincangan atas talian). Ini semua bertujuan agar akal kurniaan Allah s.w.t. tidak mati dan dapat digunakan dengan sebaik mungkin.

Urusan berkaitan harta pada masa kini seperti maklumat kewangan, harta pusaka, hartanah, perbankan dan lain-lain yang dibuat berlandaskan syariah dapat dipermudahkan dan dijaga keselamatan maklumatnya dengan menggunakan ICT. Pemeliharaan maruah dan nasab keturunan berkait rapat dengan maklumat tertentu seperti perkahwinan, kelahiran, penceraian serta termasuk juga maklumat berkaitan DNA dan seumpamanya. Maklumat seperti ini dapat diurus dengan bantuan sistem ICT, malah kita boleh membina salasilah keturunan (*family tree*) dengan menggunakan perisian tertentu.

ICT atas Jalan yang Benar

Dari sisi yang lain pula, "pencabulan maruah" yang berleluasa di Internet dalam bentuk lucah dan sebagainya dapat dikawal. "Pencabulan" ini termasuklah pergaulan bebas secara online yang lucah yang turut melibatkan tingkah laku di alam maya. Sebenarnya, ia berbalik semula kepada peranan manusia dalam menjaga maruahnya sendiri apabila berada di alam siber dan tidak menjadikan Internet sebagai pentas kemungkaran.

Seharusnya, ICT digunakan untuk menegakkan syariat Allah s.w.t. dengan membantu mencapai tujuan dan maksud syariah itu sendiri. Melihat kepada peranan ICT dalam kehidupan manusia hari ini, roh pembangunan dan penggunaan ICT yang berpaksikan tauhid dan berpandukan syariah harus dihidupkan dalam jiwa dan sanubari setiap pengamal dan pengguna ICT. Ia digerakkan oleh niat untuk mentaati Allah dalam semua aspek kehidupan yang moden ini dengan menggunakan teknologi yang ada bagi membina kehidupan manusia berlandaskan syariat. **S**



Lulusan B.IRKH, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Sarjana dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Telah menyiapkan tesis PhD untuk Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya berkaitan dengan nilai-nilai Islam dan ICT. Kini berkhidmat di Kulliyah ICT, UIAM. E-mel: anzansz@gmail.com

AZNAN ZUHID SAIDIN